

**SOALAN NO. 36****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOOI HSIAO LEUNG  
[ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 7 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan Gooi Hsiao Leung [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah peruntukan khas Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen Alor Setar diluluskan untuk pelaksanaan projek-projek oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah dari Oktober 2016 sehingga Februari 2018.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan bagi kawasan Parlimen Alor Setar setakat Februari 2018 adalah sebanyak RM19.76 juta bagi pelaksanaan 805 program/projek. Peruntukan ini meliputi pelbagai kategori termasuk sumbangan bagi aktiviti/program, bantuan kebajikan dan kecemasan, pembekalan peralatan dan kelengkapan dan projek-projek kecil. Pecahan peruntukan yang diluluskan bagi kawasan Parlimen Alor Setar mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	BIL PROJEK/ PROGRAM	KOS (RM JUTA)
2016 (JAN - DIS)	385	3.41
2017 (JAN - DIS)	360	7.09
2018 (JAN - FEBRUARI)	60	9.26
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>805</b>	<b>19.76</b>

Peruntukan ini diagihkan selepas pertimbangan sewajarnya dibuat berdasarkan kepada keutamaan, keperluan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.